

# Pengamal media berbuka puasa di L'Apprenti UPM

**L**EBIH 50 media menghadiri majlis santai berbuka puasa anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) di L'Apprenti UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, **Prof Datin Dr. Aini Ideris**, berkata, majlis tersebut diadakan bagi menghargai kerjasama yang diberikan oleh pengamal media dalam membantu UPM dalam mengekalkan reputasinya sebagai sebuah universiti pertanian moden pada peringkat dalam negara dan global.



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

“Kami percaya hubungan kerja hendaklah dihargai dan diharap dapat merapatkan ukhuwah selain memberi peluang kepada hadirin yang hadir untuk beramah mesra bersama pengamal media.

“Kami berharap hubungan yang sedia terjalin antara pihak kami dengan warga media diteruskan untuk berkerjasama antara satu sama lain. Kerjasama kedua-dua belah pihak amat penting dalam menyalurkan pelbagai maklumat kepada masyarakat,” katanya. - **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**



**DR. AINI IDERIS (tengah) meraikan lebih 50 pengamal media daripada kalangan warga media cetak dan elektronik pada majlis berbuka puasa di L'Apprenti UPM, Serdang, Selangor baru-baru.**